

Persiapan lebih rapi berdepan kemungkinan bah besar

Kuala Lumpur: Kerajaan membuat persiapan yang lebih rapi tahun ini bagi berdepan kemungkinan banjir besar seperti yang melanda negeri di pantai timur akhir tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata persiapan itu termasuk mengarahkan pihak berkaitan melaksanakan simulasi banjir di negeri berisiko dilanda bencana itu.

Beliau berkata, simulasi itu berupaya melancarkan operasi membantu dan memindahkan mangsa banjir dengan lebih sistematik, sekali gus memudahkan bantuan disalurkan kepada mangsa.

Amaran kuning

"Jabatan Meteorologi sebelum ini sudah mengeluarkan amaran kuning bagi negeri di pantai timur dan kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) bersiap siaga berdepan pelbagai kemungkinan.

"Selain arahan simulasi supaya penduduk dipindahkan dua hari

atau sehari sebelum banjir, pasukan sukarelawan juga sudah dibentuk dan ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menawarkan diri bagi membantu sekiranya banjir melanda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Taklimat dan Pameran Pelan Pengurusan Bencana Banjir kepada Ahli Parlimen dan Pegawai Daerah di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Kerjasama GLC

Shahidan berkata, kerajaan juga akan melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai bapa angkat kepada negeri yang dilanda banjir supaya bantuan dapat disalurkan secukupnya.

"GLC ini akan membantu apa sahaja yang mereka mampu kepada negeri yang menjadi anak angkat mereka. Kita juga sudah mengenal pasti 'hospital udara' iaitu helikopter yang boleh memuatkan 23 orang dalam satu masa," katanya.



Ahmad Shabery bersama Sahidan melihat peralatan perubatan untuk persiapan bencana ketika melawat tapak pameran selepas Taklimat dan Pameran Pelan Pengurusan Bencana Banjir, Kuala Lumpur, semalam.
(FOTOHAZALI KORI/BH)